

U777

U B969 DEB
MAHATHIR - RASUAH

1985

PULAU PINANG, 2 OGOS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA MALAM INI RAKYAT HENDAKLAH MENYOKONG TINDAKAN KERAJAAN MENGHAPUSKAN SEGALA PENYELEWENGAN DAN KEBURUKAN YANG TERDAPAT DALAM PENTADBIRAN.

KATANYA SELARAS DENGAN DASARNYA UNTUK MENJADI KERAJAAN YANG BERSIH, CEKAP DAN AMANAH RAKYAT PERLU LAH MEMBERI KERJASAMA YANG SEPENUHNYA DALAM TINDAKANNYA +MEMBERSIHKAN DIRI DARI SEGALA KEKOTORAN+.

+ MALANGNYA, APABILA TINDAKAN DIAMBIL UNTUK MEMBERSIHKAN SEGALA-SEGALA YANG KOTOR YANG TERDAPAT DI DALAM KERAJAAN MAKA ADA PIHAK-PIHAK YANG MEMBAWA TAFSIRAN YANG LAIN KEPADA TINDAKAN KERAJAAN,+ KATANYA KETIKA BERUCAP DI MAJLIS JAMUAN MALAM RAKYAT DI PADANG KOTA DI SINI.

PERDANA MENTERI BERKATA SUDAH TENTU DALAM USAHA KERAJAAN MEMBERSIHKAN SESUATU MAKA KERAJAAN TERPAKSA +MENDEDAHKAN YANG KOTOR SUPAYA YANG KOTOR ITU DAPAT DIKETEPIKAN ATAU DIHAPUSKAN+.

TETAPI, MENURUTNYA APABILA KERAJAAN MENDEDAHKAN BENDA-BENDA YANG KOTOR ITU KADANG-KADANG RAKYAT TIDAK NAMPAK YANG TINDAKAN ITU ADALAH TINDAKAN YANG BAIK DIAMBIL. -- LAGI
0027MST 03 08 85

MAHATHIR - RASUAH 2 PULAU PINANG

PERDANA MENTERI BERKATA SEBALIKNYA MEREKA BERKATA BAHAWA +LIHAT TERDAPAT KEADAAN YANG KOTOR DI DALAM KERAJAAN+ DAN INI MENJADI MASALAH KEPADA KERAJAAN APABILA IA BERTINDAK.

KATANYA LAGI KERAJAAN INGIN BERTINDAK MEMBERSIHKAN DENGAN MENYELIDIK APA YANG BERLAKU DI DALAM AGENSI-AGENSI DAN JABATAN-JABATAN KERAJAAN SUPAYA SEGALA PENYELEWENGAN DAPAT DIDEBAHKAN UNTUK KEBAIKAN KERAJAAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SEKARANG DIDAPATI ADA PIHAK-PIHAK YANG CUBA MENGGAGALKAN USAHA KERAJAAN UNTUK MEMBERSIHKAN PENTADBIRANNYA KERANA TAKUT DIRI MEREKA YANG RASUAH TERDEDAH KEPADA UMUM.

BELIAU BERKATA RAKYAT HENDAKLAH BERJAGA-JAGA SUPAYA JANGAN TERPERANGKAP DENGAN ORANG-ORANG YANG CUBA MENYELEWENG KERANA KERAJAAN MEMANG BERSUNGGUH-SUNGGUH HENDAK MENGHAPUSKANYA WALAUPUN IA AKAN MENGAMBIL MASA YANG LAMA.

PERDANA MENTERI JUGA MENYERU RAKYAT SUPAYA BEKERJASAMA DAN MEMBERI SOKONGAN KEPADA KERAJAAN UNTUK SEMUA TINDAKANNYA KERANA DENGAN SOKONGAN ITULAH KERAJAAN YANG BERSIH DAPAT DIDIRIKAN. -- LAGI.
0031MST 03 08 85

MAHATHIR - RASUAH 3 PULAU PINANG

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENGGESA RAKYAT +MENGIKAT PINGGANG+ DALAM MENGHADAPI KEADAAN EKONOMI NEGARA YANG MASIH MELESET.

BELIAU BERKATA RAKYAT SETERUSNYA HENDAKLAH MENINGKATKAN PRODUKTIVITI DAN BERUSAHA BERJIMAT DAN TIDAK BERBELANJA BERLEBIHAN.

MENURUTNYA RAKYAT AKAN BEROLEH FAEDAH SEBAIK KEADAAN DAN MASALAH KEMELESETAN EKONOMI ITU YANG BERSIFAT SEMENTARA KEMBALI PULIH PADA MASA AKAN DATANG.

YANG TURUT HADIR DI MAJLIS ITU IALAH BEKAS PERDANA MENTERI TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA, KETUA MENTERI DR. LIM CHONG EU, MENTERI PELAJARAN DATUK ABDULLAH HAJI AHMAD BADAWI DAN MENTERI PERTANIAN ENCIK ANWAR IBRAHIM.

KIRA-KIRA 15,000 ORANG MENGHADIRI MAJLIS ITU YANG DIKATAKAN YANG TERBESAR SEUMPAMA ITU DI NEGARA INI. -- BERNAMA

0034MST 03 08 85